

01/11/2003

KL Monorail lanjut tempoh operasi

KUALA LUMPUR: Sistem Transit KL Monorail akan melanjutkan tempoh operasinya mulai hari ini dari jam 7 pagi hingga 10 malam untuk memudahkan orang ramai yang menggunakan pengangkutan awam itu.

Pengarah KL Infrastructure Group Bhd (KLIG), Datuk Ahmad Rejal Arbee berkata, ini kali ketiga KL Monorail melanjutkan tempoh operasinya sejak dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Ogos lalu.

Sepanjang September lalu, KL Monorail menawarkan perkhidmatan mulai jam 10 pagi hingga 3 petang manakala bulan lalu, tempoh operasinya dipanjangkan dari jam 7 pagi hingga 8 malam.

"Purata jumlah penumpang KL Monorail sehari ialah 25,000 orang tetapi jumlah itu meningkat kepada 30,000 penumpang sehari pada hujung minggu," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada penumpang kesejuta KL Monorail di stesen KL Sentral di sini, semalam.

Ahmad Rejal berkata, KL Monorail kini memperkenalkan perjalanan bonus kepada pemegang tiket nilai simpanan dengan membenarkan mereka menggunakan baki dalam tiket masing-masing membuat satu perjalanan sehala.

Terdahulu, Ahmad Rejal menyampaikan hadiah kepada pramugari Philippines Airlines (PAL), Vina Reyes, yang menjadi penumpang bertuah kesejuta KL Monorail.

Beliau disambut Ahmad Rejal bersama Pengarah Jualan dan Pemasaran Hotel Regent Kuala Lumpur, Julius Santos dan Pengarah Urusan KL Monorail System Sdn Bhd, Bakhtiar Jamilee, sebaik saja melepasi kaunter pemeriksaan tiket.